

Mesej Dua

Hidup dalam Trinitas Divin

(1)

Tinggal dalam Kristus yang Merupakan Pohon Anggur Benar

Bacaan Bible: Yoh. 15:1, 4-5; 1 Yoh. 2:6, 20, 24, 27; 3:22-24

- I. Kita perlu melihat pengalaman hidup secara praktikal dalam dan bersama dengan Trinitas Divin—Yoh. 14:20, 26; 15:26; 2 Kor. 13:14; Ef. 2:18; 3:16-17:**
 - A. Injil Yohanes ialah buku berkenaan hidup dalam dan bersama dengan Trinitas Divin—15:1, 4-5.
 - B. Kebenaran berkenaan hidup dalam dan bersama dengan Trinitas Divin banyak diterangkan secara terperinci dalam Surat-surat, khususnya dalam Surat-surat yang ditulis oleh Paulus.
 - C. Dalam Surat-surat, kita dapat melihat segala amalan dan perincian tentang hidup dalam dan bersama dengan Trinitas Divin.
 - D. Kita perlu dibawa ke dalam pengalaman hidup dalam Trinitas Divin dan bersama dengan Trinitas Divin.
- II. Tuan Yesus memberitahu kita dalam Yohanes 15 bahawa Dia ialah pohon anggur dan kita ialah ranting-ranting pohon anggur—ay. 5:**
 - A. Sebagai ranting-ranting pohon anggur, kita harus tinggal dalam-Nya; dengan demikian, Dia akan tinggal dalam kita—ay. 4-5.
 - B. Tinggal dalam Kristus bererti hidup dalam Kristus, dan hidup dalam Kristus bererti hidup dalam Trinitas Divin—Mat. 28:19; 1 Kor. 1:30.
 - C. Mempunyai Kristus tinggal dalam kita bererti mempunyai Tuhan Tritunggal hidup dalam kita; inilah maksud hidup bersama dengan Trinitas Divin—Yoh. 15:4-5; Roma 8:11; 2 Kor. 13:14.
 - D. Apabila kita tinggal dalam-Nya, kita hidup dalam-Nya, dan apabila kita mempunyai Dia tinggal dalam kita, kita hidup bersama dengan-Nya—Yoh. 15:4-5, 7.
- III. Kita hidup dalam Trinitas Divin dengan tinggal dalam Kristus yang merupakan pohon anggur benar—ay. 1, 5:**
 - A. Pohon anggur benar berserta ranting-rantingnya—Kristus Anak berserta percayawan dalam Anak—ialah organisma Tuhan Tritunggal dalam ekonomi divin untuk bertumbuh dengan kekayaan-Nya dan mengekspresikan hayat-Nya—1 Tim. 1:4; Ef. 3:9; Yoh. 15:1, 5:
 1. Fungsi pohon anggur benar sebagai tanda Anak adalah untuk Tuhan Tritunggal memperoleh satu organisma dalam Anak demi pelipatgandaan, penyebarluasan, dan pemuliaan-Nya dalam hayat divin-Nya—ay. 8, 16.
 2. Bapa sebagai pengusaha ialah sumber dan pengasas; Tuhan Anak ialah pusat, perjasadan, dan manifestasi; Tuhan Roh ialah realiti dan realisasi; dan ranting-ranting ialah Tubuh, iaitu ekspresi korporat—ay. 1, 4-5, 26:
 - a. Segala apanya Bapa dan segala yang dimiliki-Nya terjasad dalam Kristus Anak dan kemudian direalisasikan dalam Roh itu sebagai realiti—16:13-15.
 - b. Segala yang dimiliki Roh itu telah digarapkan ke dalam kita, yakni ranting-ranting, untuk diekspresikan dan dipersaksikan menerusi kita; dengan cara ini, Tuhan Tritunggal yang terproses diekspresikan, dimanifestasikan, dan dimuliakan dalam gereja—Ef. 3:16-21.
 - B. Sebagai ranting-ranting pohon anggur, kita perlu tinggal dalam pohon anggur—Yoh. 15:4-5:
 1. Apabila kita percaya kepada Tuan Yesus, Dia bercabang ke dalam kita, dan kita menjadi ranting-ranting dalam-Nya—3:15.

2. Berada dalam Tuan merupakan perihal penyatuan; tinggal dalam Tuan merupakan perihal persekutuan—1 Kor. 1:9, 30.
 3. Perihal kita tinggal dalam Kristus yang merupakan pohon anggur bergantung pada melihat suatu visi yang jelas bahawa kita ialah ranting-ranting dalam pohon anggur; sebaik sahaja kita melihat bahawa kita ialah ranting-ranting dalam pohon anggur, kita perlu mengekalkan persekutuan antara kita dengan Tuan—Yoh. 15:2.
 4. Kehidupan orang Kristian ialah kehidupan tinggal dalam Tuan—1 Yoh. 2:24, 27-28; 4:13:
 - a. Tinggal dalam Tuan bererti menjadi satu roh dengan-Nya—1 Kor. 6:17.
 - b. Kita tinggal dalam Kristus ialah syarat untuk Dia tinggal dalam kita—Yoh. 15:4a, 5a.
- C. Kita perlu tinggal dalam Tuan, dalam Anak, dalam Bapa, dan dalam Tuhan—1 Yoh. 2:6, 24, 3:22-24:
1. Tinggal dalam Kristus bererti tinggal dalam Tuan—2:6:
 - a. Tuan ialah Dia yang memiliki segala-galanya, memerintah segala-galanya, dan melaksanakan ketentuan-Nya atas segala perkara dan semua orang—Wahi 1:5.
 - b. Kita hidup dalam Dia yang merupakan Tuan alam semesta—Ef. 1:20-23.
 2. Tinggal dalam Anak berkaitan dengan keanakan Kristus—Mat. 3:17; 17:5:
 - a. Anak ialah Dia yang memiliki hayat Bapa berserta sifat Bapa untuk mengekspresikan Bapa—Yoh. 5:26.
 - b. Apabila kita tinggal dalam Anak, kita menikmati hayat dan sifat Bapa kita serta hak untuk mengekspresikan-Nya dan menikmati segala harta milik-Nya—Ef. 1:14.
 3. Kita juga tinggal dalam Bapa, yang menjaga kita dalam setiap aspek dan dalam segala hal—1 Yoh. 2:24:
 - a. Apabila kita tinggal dalam Anak, kita tinggal dalam Bapa kerana Anak dan Bapa adalah satu—ay. 23-24.
 - b. Apabila kita tinggal dalam Tuhan Tritunggal, kita hidup sebagai anak-anak—Ibr. 2:10.
 4. Kita perlu menjadi orang yang tinggal dalam Tuhan—1 Yoh. 3:24:
 - a. Tinggal dalam Tuhan bererti mempunyai iktikad dalam Anak Tuhan dan mempunyai kasih Tuhan untuk mengasihi semua dikbang—ay. 23.
 - b. Kita tinggal dalam Tuhan melalui Roh Tuhan; penghubung antara kita dengan Tuhan, Bapa, Anak, Tuan, dan Kristus ialah Roh itu—ay. 22-24.
- D. Kita tinggal dalam Tuhan Tritunggal melalui ajaran pengurapan—2:27:
1. Pengurapan ialah pergerakan dan pengerjaan Roh majmuk yang huni secara dalaman, iaitu Roh almuhit yang memberi-hayat—ay. 20; 1 Kor. 15:45; 2 Kor. 3:6.
 2. Kita tinggal dalam persekutuan divin bersama dengan Kristus dengan mengalami pembasuhan darah Tuan dan aplikasi Roh yang mengurapi ke dalam diri dalaman kita—Yoh. 15:4-5; 1 Yoh. 1:5, 7; 2:20, 27.
 3. Kristus sebagai Kepala ialah Dia yang diurapi dan Dia yang mengurapi, dan kita anggota-anggota-Nya menikmati Dia sebagai pengurapan dalaman—2 Kor. 1:21-22.
 4. Pengurapan, sebagai pergerakan dan pengerjaan Roh majmuk dalam kita, mengurapkan Tuhan ke dalam kita agar kita dapat ditepui Tuhan, memiliki Tuhan, dan memahami minda Tuhan; pengurapan menghubungkan minda Kristus sebagai Kepala Tubuh dengan anggota-anggota-Nya melalui perasaan dalaman, kesedaran dalaman hayat—Mzm. 133; 1 Kor. 2:16; Roma 8:6, 27.

5. Ajaran pengurapan Roh itu ialah perasaan dalaman hayat—Kis. 16:6-7; 2 Kor. 2:13.
6. Jika hayat alamiah kita ditanggulangi oleh salib dan jika kita tunduk kepada kekepalaan Kristus dan menjalani kehidupan Tubuh, kita akan mempunyai pengurapan Roh itu dan menikmati persekutuan Tubuh—Ef. 4:3-6, 15-16.